**NAMA GERAN : MATCHING GRANT (GERAN PEMBIAYAAN SEPADAN)**

| Perkara | Keterangan |
|---|---|
| **Objektif** | 1. Sebagai Insentif kepada penyelidik yang telah berjaya memperoleh geran luar iaitu geran penyelidikan daripada penaja antarabangsa atau geran kontrak dari pihak industri.<br>2. Sebagai insentif dalam kerjasama menjayakan program RACE iaitu projek mentor-mentee.<br>3. Sebagai platform membantu penyelidik UTM mendapatkan geran antarabangsa yang memerlukan sumbangan universiti untuk menjayakan penyelidikan tersebut. |
| **Syarat Khusus** | 1. Pemohon mestilah terdiri daripada staf akademik tetap atau kontrak UTM.<br>2. Bagi pemohon staf akademik kontrak perlu melibatkan **SATU (1)** orang staf akademik bertaraf tetap sebagai ahli projek. |
| **Syarat Permohonan** | 1. Pemohon mestilah telah menerima geran luar sama ada geran dari penyelidikan **kontrak swasta/insustri (dalam Negara)** yang bernilai **RM 100,000.00** dan ke atas atau geran **antarabangsa (kontrak/others)** yang bernilai **RM 50,000.00** dan ke atas.<br>2. Peruntukan kewangan yang diperolehi dari geran luar mestilah di bawah pengurusan RMC.<br>3. Keutamaan diberikan kepada penyelidik yang telah mendapat geran luar pada tahun semasa.<br>4. **Telah menghantar Laporan Akhir** bagi projek penyelidikan lain yang telah tamat tempoh penyelidikannya.<br>5. Bilangan minimum keahlian dalam projek penyelidikan ini adalah satu (1) orang staf akademik tidak termasuk Ketua Projek. |
| **Tempoh** | 1. Tempoh maksimum projek penyelidikan adalah selama **24 bulan.**<br>2. Bagi staf kontrak, tempoh projek penyelidikan **mestilah tidak melebihi tempoh kontrak** perkhidmatan. |
| **Amoun (Quantum of Funding)** | 1. Penetapan siling peruntukan geran pembiayaan sepadan akan diberi berdasarkan **40% daripada nilai geran** kontrak atau antarabangsa.<br>2. Maksimum pembiayaan geran sepadan adalah sebanyak **RM 250,000.00** atau tertakluk kepada jumlah amaun sepadan yang dipersetujui oleh UTM seperti dalam Dokumen Perjanjian dengan pihak penaja. |

<table>
<tr><td></td><td>3. Pemberian peruntukan geran pembiayaan sepadan ini bergantung kepada kemampuan dan kedudukan kewangan Universiti.</td></tr>
<tr><td>Lokasi</td><td>Projek hanya boleh dijalankan di Malaysia sahaja</td></tr>
<tr><td>Output</td><td>1. Output projek ini adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Output</th></tr>
<tr><td>Kertas Kerja Jurnal Berindeks</td><td>RM20,000 = 1</td></tr>
<tr><td>Pengiktirafan/Award</td><td>1</td></tr>
<tr><td>Keahlian Profesional</td><td>1</td></tr>
</table>
i. Projek perlu menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) Kertas Kerja Jurnal Berindeks dengan setiap kelulusan peruntukan geran RM 20,000.00 bagi tempoh penyelidikan di mana penulis utama adalah dalam kalangan Ketua Projek. Kertas kerja yang sama tidak boleh digunakan untuk pengiraan KPI RU bagi projek penyelidikan yang lain.<br>
ii. Ketua projek perlu mendapat pengiktirafan ‘award’ di peringkat nasional atau antarabangsa<br>
iii. Ketua projek perlu mempunyai keahlian aktif dalam badan profesional / pertubuhan di peringkat nasional ataupun antarabangsa.</td></tr>
<tr><td>Proses Permohonan</td><td>1. RMC akan menyemak data penyelidik yang telah menerima geran luar setiap TIGA (3) bulan sekali.<br>
2. Senarai penyelidik yang layak akan dipertimbangkan kelulusan dengan amaun peruntukannya melalui keputusan mesyuarat pentadbiran RMC/mesyuarat JKIP.<br>
3. Unit Proposal, RMC akan memaklumkan keputusan kelulusan kepada penyelidik yang berjaya mendapat projek matching grant secara email.<br>
4. Penyelidik yang telah berjaya ditawarkan matching grant perlu membuat permohonan proposal di dalam sistem RADIS secara atas talian di https://radis.utm.my</td></tr>
<tr><td>Penilaian Proposal</td><td>1. Proposal tidak perlu dinilai oleh panel kerana geran ini adalah geran insentif dan kelulusan akan diputuskan di dalam Mesyuarat Pentadbiran RMC/Mesyuarat JKIP.</td></tr>
</table>